

24 APR 1999

Agong-Pulang

TUANKU JA'AFAR BERANGKAT PULANG KE SERI MENANTI

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Tuanku Ja'afar hari ini berangkat pulang ke Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan, selepas menamatkan tempoh pemerintahan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-10.

Majlis keberangkatan baginda dan Raja Permaisuri Tuanku Najihah berlangsung dengan penuh istiadat di stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), di sini.

Ketibaan Seri Paduka berdua yang diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di stesen KTMB disambut oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan isteri Datin Seri Ena Ling.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Pertahanan Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali serta Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus.

Terdahulu baginda memeriksa perbarisan kawalan kehormat di Medan Parlimen.

Sejurus selepas tiba di stesen kereta api itu, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah dibawa ke bilik VIP untuk jamuan ringan. Dr Ling kemudian menyampaikan cenderamata kepada baginda daripada pihak KTMB.

Seri Paduka berdua kemudian diiringi oleh Dr Ling dan semua tetamu kehormat ke Gerabak Diraja keretapi khas Kuala Lumpur-Seremban untuk memulakan perjalanan pulang yang mengambil masa kira-kira satu jam.

Keberangkatan Seri Paduka turut diiringi lambaian rakyat jelata yang hadir di stesen itu.

Tuanku Ja'afar akan digantikan oleh Sultan Selangor Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada Isnin ini.

-- BERNAMA

NM PR